

PM umum empat pendekatan sebagai strategi masa depan

U.M 22 SEP 1992

Overseas trips

Daripada
Abdullah Hassan

LONDON 21 Sept. — Perdana Menteri hari ini mengumumkan empat pendekatan sebagai strategi masa depan untuk meningkatkan pertumbuhan dalam empat bidang termasuk menggalak hubungan perindustrian antara syarikat luar negara dan tempatan.

Tiga perkara lain ialah:

- Memperluaskan asas perindustrian,
- Menggalakkan industri canggi beraskan modal dan teknologi tinggi dan
- Menggalakkan pembangunan industri pertengahan dan industri barangan modal.

Dato' Sri Dr. Mahathir Mo-

hammad berkata, untuk mempertahankan peningkatan perindustrian Malaysia dan daya persaingannya, satu asas perindustrian yang lebih luas adalah diperlukan.

"Kami bercadang untuk meningkatkan nilai tambahan industri sumber tempatan untuk melewati pengeluaran komponen asas dalam bidang elektronik," tegasnya.

(LAGI LAPORAN DI MUKA 5).

Dalam ucapan dasarnya di seminar bertajuk *Malaysia: Pusat Keuntungan di Asia* anjuran MIDA, CBI dan Hongkong Bank Malaysia di sini hari ini, beliau menambah:

"Dengan tenaga kerja yang mudah dilatih, berpelajaran, kos buruh yang rendah dan

kadar pengangguran hanya 5 peratus, kami boleh beralih kepada industri berteknologi tinggi yang menjanjikan hasil pengeluaran dan nilai tambahan yang tinggi."

Dalam hubungan ini, tegasnya kerajaan telah mengenalpasti 5 bidang teknologi utama untuk meningkatkan persaingan dan memajukan kawasan bagi industri dalam negeri.

Bidang itu, tambahnya ialah, teknologi pembuatan secara automatik, bahan termaju, bio-teknologi, elektronik dan teknologi maklumat.

Dalam strategi menggalakkan pembangunan industri pertengahan dan industri

LIHAT MUKA 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

PM UMUM EMPAT PENDEKATAN SEBAGAI STRATEGI MASA DEPAN

barang modal pula, Dr. Mahathir berkata, dengan pembangunan perindustrian berjalan lancar, keperluan Malaysia untuk mendapatkan barangan modal dan barangan pertengahan turut meningkat dengan sebahagian besarnya adalah barangan import.

Dalam tahun 1991, kelengkapan jentera sahaja mencatatkan 18.6 peratus dari jumlah import barangan dan trend ini dijangka berterusan apabila tempo perindustrian negara meningkat.

Bagi mengurangkan import barangan seperti itu di masa depan, pengeluaran jentera dan alat industri dan industri kejuruteraan yang berkaitan akan digalakkan.

Kata Perdana Menteri, kerajaan juga menitikberatkan soal kurangnya integrasi di sektor industri di mana zon bebas telah menjadi kawasan memproses barangan eksport seperti bahan mentah dan barangan separuh siap.

Menurutnya hubungan dengan sektor domestik adalah terlalu kecil terutamanya

sektor kecil dan sederhana dan kerana itu kerajaan mahu menggalakkan hubungan perindustrian yang boleh menyumbangkan kepada nilai tambahan domestik.

Dengan cara ini, syarikat-syarikat kecil Malaysia akan mendapat faedah dari perpindahan teknologi dan kemahiran, meningkatkan mutu keluaran dan kemasukan dalam pasaran.

Dr. Mahathir berkata: "Inilah cabaran yang kami hadapi dalam masa yang sama, ia juga adalah peluang untuk anda.

"Memandang kepada ketinggian mutu teknologi British, saya yakin keperluan Malaysia ini akan menawarkan prospek yang baik bagi pelaburan."

Perdana Menteri menegaskan Malaysia akan terus berusaha memasuki senarai negara perindustrian dunia menjelang tahun 2020 dan akan menerima budaya pengurusan Jepun, Amerika dan British untuk disesuaikan dengan nilai Malaysia.